

09 AUG 1997

Mahathir - Rali

MAHATHIR: MALAYSIA PUNYAI CITA-CITA BESAR DALAM PELBAGAI BIDANG

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Malaysia mempunyai cita-cita yang besar dalam pelbagai bidang termasuk acara mendaki gunung dan rali kereta, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, "saya percaya cita-cita besar kita tidak kosong kerana kita telahpun mencapai kejayaan dalam banyak bidang."

Kejayaan adalah penting untuk meningkatkan semangat rakyat supaya berusaha memasuki pelbagai bidang dan terus berjuang bagi mencapai kejayaan, katanya ketika berucap melepaskan kereta Rali Asia Kedua 97 di Dataran Merdeka di sini malam ini.

Seramai 130 peserta dengan 75 kenderaan dari 50 pasukan menyertai rali dari Kuala Lumpur ke Bangkok bermula hari ini hingga 16 Ogos.

Perdana Menteri juga menyumbangkan sebuah piala pusingan berharga RM75,000 bagi perlumbaan itu. Sebelum itu beliau memukul gendang terbesar di dunia bagi memulakan acara itu.

Perdana Menteri berkata cita-cita besar negara ialah menganjurkan rali kereta dari Kuala Lumpur ke Beijing, China pada masa akan datang yang mempunyai jarak lebih jauh.

Bagaimanapun, katanya, sebelum ke Beijing, perlumbaan mestilah ke Kemboja, Laos atau Vietnam dan kemudian meningkat sedikit demi sedikit.

Katanya usaha ini sabagai satu penerokaan jalan dari Malaysia ke Kunming, China sebelum diteruskan ke Beijing.

"Adalah menjadi hasrat kita untuk mengadakan perjalanan keretapi dari Malaysia ke Kunming dan rali ini boleh dianggap sebagai usaha merintis jalan daripada Kuala Lumpur ke utara hingga ke Kunming", katanya.

Beliau berkata kejayaan pendaki Malaysia mendaki Gunung Everest baru-baru ini disebabkan semangat tinggi yang ditunjukkan oleh mereka terbabit, walaupun terpaksa menghadapi pelbagai halangan.

Perdana Menteri berkata mungkin ramai orang yang telah mendaki puncak tertinggi dunia itu, tetapi kejayaan ini merupakan antara yang pertama bagi pendaki dari negara Tropika berjaya menaklukinya.

Beliau berkata dengan itu Malaysia berhak memberikan tahniah terhadap kejayaan itu.

Katanya ia bukan bertujuan menunjuk-menunjuk, tetapi amat penting bagi menaikkan semangat untuk berjaya di kalangan rakyat.

Enam buah negara iaitu Malaysia, Thailand, Jepun, Amerika Syarikat, Australia dan Taiwan menyertai rali sejauh kira-kira 4,000 km itu yang melalui Ipoh, Sungai Petani, Phuket, Chumphon, Ratchaiburi, Saiyok dan Bangkok. -- Bernama

HT oba